

semasa. Selanjutnya, di dalam masa yang sama, ia dimulakan oleh kerajaan negara seluruh Malaysia untuk membina maktab dan sekolah awam dan sekolah agama Islam di seluruh negara. Pada tahun 1981, kerajaan Persekutuan mengeluarkan perintah kerajaan untuk mendirikan Fakulti Syariah di Universiti Malaya.

Perkembangan pengajian di fakulti ini pada mulanya berjalan dengan baik.

Pada akhirnya, perkembangan pengajian ini semakin meningkat dan pada akhirnya pada tahun 1991/92, ia mula diluluskan sebagai sebuah fakulti. Pada hari ketika itu, pengajian di fakulti ini terdiri daripada dua jurusan utama iaitu Syariah dan Hukum Islam.

## Perkembangan Pengajian di Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya

**Idris Awang**

### Abstract

*The Faculty of Syariah, University of Malaya since its inception in 1981 has developed into two stages. In the first stage its curriculum was highly influenced by the traditional studies of Syariah of Al-Azhar University, heavily by the Faculty from its predecessor, the Centre of Islamic Studies Nilam Puri. In this stage students also took conventional law subjects as complementary to Syariah courses and two options; economics and politics. The second stage of its development began in the 1991/92 session where students can opt to specialise in one of the following areas: law, economics and politics. Syariah subjects remain compulsory. The arrangement provides more credit hours for indepth studies in the option areas and a catalyst towards a more professional studies of Syariah courses in the future.*

### Pendahuluan

Fakulti Syariah Universiti Malaya ditubuhkan pada 1 April 1981 sebagai sebahagian dari Akademi Islam dan mula menawarkan kursusnya pada bulan Jun

berikutnya apabila sesi 1981/82 bermula. Sejarah pengajiannya di peringkat ijazah pertama boleh dibahagikan kepada dua peringkat, peringkat pertama dari sesi 1981/82 hingga 1990/91 dan peringkat kedua dari sesi 1991/92 ke sesi 1994/95. Setiap peringkat mempunyai ciri-cirinya tersendiri.

### Peringkat Pertama

Peringkat pertama dalam perkembangan pengajian di Fakulti syariah ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu dari sesi 1981/82 hingga ke sesi 1988/89 dan dari sesi 1989/90 hingga ke sesi berikutnya 1990/91. Ciri utama bagi bahagian pertama dalam peringkat pertama ialah penawaran kursus dibuat secara sistem semester walaupun pengambilan pelajar baru dilakukan secara tahunan. Terdapat lapan semester kesemuanya yang meliputi empat tahun pengajian. Peperiksaan utama dan peperiksaan tambahan bagi pelajar yang lulus bersyarat dalam peperiksaan utama diadakan pada akhir setiap semester.

Pada sesi 1981/82 sehingga sesi 1985/85 pelajar diwajibkan mengambil lima kursus wajib dalam setiap semester, tetapi mulai dari sesi 1986/87 sehingga sesi 1988/89 pelajar Semester Tujuh dan Semester Lapan mengambil enam kursus wajib. Kursus-kursus wajib ini terdiri dari kursus-kursus pengajian Syariah, undang-undang, bahasa dan sama ada Ulum al-Quran, Ulum al-Hadith atau Sejarah Islam yang ditawarkan oleh Fakulti Usuluddin. Di samping itu pelajar juga diperlukan mengambil satu kursus pilihan.

Kursus-kursus Syariah bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada kesemua aspek dalam perundangan Islam untuk membina asas Syariah yang kukuh bagi membolehkan para siswazahnya nanti menghadapi dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan perundangan Islam. Pengajian Syariah ini meliputi bidang-bidang Pengantar Fiqh, Fiqh al-Ibadat, Fiqh al-Kitab wal-Sunnah, Fiqh Ahwal Syakhsiyah, Fiqh al-Muamalat, Fiqh al-Jinayah, Siyasah Syar'iyyah, Fiqh al-Da'wa wal-Bayyinat, Qawa'id Fiqhiyyah, Fiqh al-Mawarith dan Usul al-Fiqh. Fiqh al-Kitab wal-Sunnah ditawarkan dalam dua semester manakala Usul Fiqh dalam tiga semester.

Kursus undang-undang pula memperkenalkan para pelajar kepada sistem perundangan di Malaysia khususnya yang berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam. Kursus undang-undang meliputi Pengantar Sistem Undang-undang di Malaysia, Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam, Pentadbiran Undang-undang Keluarga, Undang-undang Perlembagaan dan Pentadbiran, Undang-undang Acara Mal Islam, Undang-undang Kontrak, Undang-undang Jenayah Islam, Undang-undang Jenayah Malaysia dan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah. Komponen kursus undang-undang ini bertujuan untuk menjadi asas kepada penglibatan para lepasan dalam pentadbiran dan kehakiman Islam. Walaupun mereka terpaksa mengambil kursus tambahan di peringkat diploma lanjutan untuk menjadi pengamal dalam kedua-dua bidang ini, mereka sudah pun mempunyai asas yang boleh dipertanggungjawabkan. Usaha-usaha sedang dijalankan oleh pihak

Fakulti supaya lulusan Fakulti Syariah boleh menjadi pengamal dalam bidang pentadbiran dan kehakiman Islam memandangkan kursus-kursus yang mereka jalani sudah memampukan diri mereka menceburi di dalam bidang-bidang tersebut.

Kursus-kursus Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith memperkenalkan para pelajar secara mendalam kepada kedua-dua sumber utama perundungan dan tatacara hidup masyarakat Islam. Kursus Ulum al-Quran membincangkan sejarah ayat-ayat al-Quran, penyusunan serta pembahagiannya dari beberapa aspek. Ianya juga membincangkan sejarah Tafsir al-Quran termasuk pertumbuhan dan perkembangannya.

Ulum al-Hadith pula membincangkan sejarah serta kaedah pengumpulan dan penulisan hadith-hadith, istilah-istilah yang sering digunakan dalam pengajian hadith, dan juga pemalsuan hadith-hadith oleh golongan-golongan tertentu. Pengajian-pengajian Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith adalah untuk membina asas yang kuat dalam diri para pelajar di dalam menghadapi persoalan-persoalan masyarakat khususnya yang berkaitan dengan perundungan Islam.

Kursus ini menjadi pelengkap kepada kursus Syariah yang disebutkan di atas. Kursus-kursus bahasa, iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, adalah tertumpu kepada aspek kemahiran terutama kemahiran memahami teks-teks ilmiah. Kemahiran dalam bahasa Arab sangat-sangat diperlukan oleh pelajar kerana kebanyakan rujukan klasik dalam pengajian Islam adalah dalam bahasa berkenaan. Kemahiran dalam bahasa Inggeris pula diperlukan bagi tujuan komunikasi umum selain dari untuk rujukan ilmu-ilmu moden bagi meluaskan horizon pengetahuan semasa para pelajar. Kemahiran dalam bahasa Inggeris juga membolehkan pelajar mengikuti perkembangan mutakhir dalam pengajian Islam khususnya yang sedang berlaku di Barat.

Pada asasnya pendekatan dalam pengajaran Bahasa Arab lebih berbentuk tradisional atau pendekatan analisis. Bahasa Arab dipecahkan kepada aspek-aspek nahu, saraf dan balaghah dengan sedikit pendekatan sintesis pada maqal. Keadaan ini sangat berbeza dengan Bahasa Inggeris di mana pengetahuan yang telah pelajar perolehi digarapkan dan diaplikasikan dalam membentuk kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran mengumpul maklumat dalam teks, mempergunakan teks untuk memahami perkatan sukar, mencari hubungan antara dua maksud dan sebagainya.

Penawaran kursus pilihan pada peringkat ini adalah berbeza di antara semester ganjil (Pertama, Ketiga, Kelima dan Ketujuh) dengan semester genap. Semester ganjil menawarkan kursus Politik Islam, Sejarah dan Perkembangan Hukum Islam, Aqidah Islam, Sejarah Islam dan juga Kesusastraan Arab. Manakala semester genap pula menawarkan kursus-kursus Ekonomi Islam dan Pengurusan.

Kursus-kursus pilihan ini lebih bertujuan untuk membuka dan melebarkan pemikiran pelajar serta membolehkan mereka melihat masalah-masalah yang berlaku dalam masyarakat dari perspektif yang berbagai-bagai tetapi masih lagi berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

Kursus Politik Islam meliputi bidang-bidang seperti Pemikir dan Pemikiran

Politik Islam, Institusi Politik Islam dan Fiqh Ahwal Syakhsiyah, manakala Sejarah dan Perkembangan Hukum Islam meliputi Sejarah Perkembangan Hukum Islam, Hukum Islam Sezaman dan Hukum Islam Antarabangsa. Aqidah Islam pula membincangkan pemikiran-pemikiran Islam dan krisis pemikiran yang berlaku yang membawa kepada timbul dan berkembangnya beberapa mazhab dalam dalam bidang ini; dan Sejarah Islam membincangkan perkembangan dunia Islam dari zaman Rasulullah (s.a.w.) hingga ke zaman moden ini. Kesusasteraan Arab, yang ditawarkan dalam Semester Pertama dan Ketiga, meliputi perkembangan sastera Arab sebelum Islam dan kesan Islam terhadap perkembangan sastera Arab selepas kelahirannya. Kursus Kesusasteraan Arab ini dihapuskan pada sesi 1988/89. Kursus Ekonomi Islam, yang ditawarkan dalam semester genap, lebih merupakan kajian perbandingan di antara Ekonomi Islam dan Ekonomi Konvensyenal. Bidang-bidang yang diperbincangkan meliputi Prinsip-prinsip Ekonomi, Polisi dan Institusi Kewangan, dan pendekatan alternatif dalam menyelesaikan masalah ekonomi semasa. Kursus Pengurusan pula meliputi Sains Politik, Pentadbiran Awam, Pentadbiran Kakitangan dan Pengurusan Pentadbiran yang menumpukan perbincangannya kepada perancangan, pengawasan dan pengawalan organisasi serta penggunaan sumber manusia dan alam. Kursus Pengurusan ini merupakan perbandingan dengan kursus Politik Islam yang ditawarkan dalam semester ganjil.

Bahagian kedua dalam peringkat pertama dalam perkembangan pengajian di Fakulti Syariah ini menyaksikan pengubahsuaian sistem pengajian dari berbentuk semester di mana pengajian dibahagikan kepada lapan semester dan setiap semester mempunyai peperiksaannya tersendiri kepada bentuk semester-sesi selaras dengan amalan fakulti-fakulti lain di Universiti Malaya ini.

Dalam bentuk kedua ini pengajian dibahagikan kepada empat sesi atau tahun akademik dengan setiap sesi mempunyai dua semester. Peperiksaan diadakan pada akhir setiap sesi.

Dari sudut kursus-kursus yang ditawarkan tidak banyak bezanya dengan di bahagian pertama; yang berlaku hanyalah pada gabungan kursus. Kursus-kursus dalam Semester Pertama dan Semester Kedua digabungkan dalam Tahun Pertama, kursus-kursus untuk Tahun Kedua adalah gabungan kursus Semester Ketiga Dan Semester Keempat dan demikianlah seterusnya. Kalau dalam sistem semester dahulu pelajar terpaksa mengambil satu kursus pilihan, dalam sistem baru ini, mereka mengambil dua pilihan. Selain dari itu terdapat juga kursus-kursus yang serapkan ke dalam satu sama lain bagi mengurangkan jumlah kursus yang wajib diambil oleh pelajar.

### **Peringkat Kedua**

Seperti dijelaskan di atas peringkat kedua dalam perkembangan pengajian di Fakulti Syariah bermula dari sesi 1991/92. Mulai dari sesi ini struktur penawaran kursus berbeza. Kursus undang-undang dikeluarkan dari senarai kursus wajib dan dijadikan satu komponen kursus pilihan. Komponen-komponen kursus pilihan

lainnya ialah Ekonomi dan Politik-pengurusan. Kursus-kursus Undang-undang, Ekonomi dan Politik-pengurusan ini diperkemaskan sehingga menyamai sekurang-kurang tahap minimum yang diperlukan oleh seseorang graduan ijazah pertama dalam bidang-bidang berkenaan. Dengan perubahan ini seseorang pelajar terpaksa mengambil lima hingga tujuh kursus wajib, bergantung kepada tahun pengajian, dan memilih salah satu dari komponen kursus pilihan. Pemilihan ini bermula pada Tahun Pertama lagi.

Perubahan struktur kursus ini akan memberikan satu pengkhususan akademik sebagai tambahan kepada pengkhususan dalam Syariah kepada setiap pelajar dengan harapan mereka akan dapat berbakti secara lebih berkesan kepada masyarakat dan negara. Sebelum dari perlaksanaan struktur baru ini, kurang sekali siswazah Fakulti Syariah melibatkan diri mereka dalam bidang selain dari pendidikan.<sup>1</sup> Penawaran kursus dalam bentuk baru ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan hanyalah pada sesi 1994/95 barulah terlaksana sepenuhnya bagi kesemua tahun pengajian.

Dari sudut senarai kursus dalam kursus-kursus asas Syariah, An-Nuzum al-Islamiah yang membicarakan sistem-sistem dalam Islam termasuk sistem-sistem akhlak, aqidah, masyarakat, ekonomi, pemerintahan, perundangan, kehakiman, perhubungan antarabangsa dan pendidikan, dijadikan salah satu kursus wajib pada sesi 1991/92 hingga sesi 1993-94. Walau macammanapun kursus ini dimansuhkan dalam sesi 1994/95 dan digantikan dengan kursus Hukum Islam dan Masyarakat yang membicarakan secara umum hubungan yang wujud antara Hukum Islam dan aplikasi serta realitinya dalam sesebuah masyarakat. Walau pun dari sudut namanya berbeza, kursus yang ditawarkan dalam Tahun Pertama ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk menyediakan asas pada pelajar dalam menghadapi pengajian secara mendalam dalam setiap bidang hukum Islam. Selain dari perubahan kecil ini, Fiqh al-Mawarith yang dulunya sebagai kursus wajib dalam komponen Syariah, sekarang dimasukkan ke dalam komponen Undang-undang.

Komponen Undang-undang pula meliputi kesemua kursus undang-undang yang disebutkan di atas dengan tambahan seperti berikut: Undang-undang Tanah, Undang-undang Harta, Undang-undang Zakat dan Baitulmal, Undang-undang Keterangan, Undang-undang Acara Jenayah Syariah, Fiqh al-Mawarith dan Nizam al-Qadza. Undang-undang Harta diajar secara ekstensif dalam dua tahun pengajian. Secara akademiknya kursus undang-undang ini telah meliputi hampir semua aspek asas dalam pengajiannya.

Dalam komponen Ekonomi kebanyakan kursus adalah terdiri dari kursus Ekonomi konvensional kerana aspek ekonomi dalam perundangan Islam telah dibincang secara meluas dalam Fiqh al-Muamalat sebagai sebahagian kursus wajib Syariah. Fiqh al-Muamalat diajar dalam tahun-tahun Kedua dan Ketiga. Kursus lain dalam komponen Ekonomi meliputi Ekonomi Kuantitatif dan Perakaunan, Ekonomi Mikro dan Makro, Pentadbiran Perniagaan, Pemikiran Ekonomi Islam dan konvesyenal, Perancangan dan Pembangunan serta Penilaian Projek. Pelajar-pelajar dimantapkan dengan satu siri seminar tentang isu-isu ekonomi semasa di

### Tahun Akhir.

Komponen pilihan ketiga cuba menggabungkan Politik dan Pengurusan di bawah satu bumbung. Aspek Politik meliputi Pengantar Sains Politik, Pemikiran dan Institusi Politik Islam, Sejarah Pemikiran Politik Moden, Politik Malaysia serta Antarabangsa, Islam dan Ideologi Barat, dan Politik Perbandingan. Aspek pengurusan pula meliputi Pengurusan Pentadbiran, Pentadbiran Awam, dan Pentadbiran Kakitangan dan Organisasi. Komponen ini juga meliputi aspek undang-undang seperti Undang-undang Perlembagaan dan Pentadbiran serta Hukum Islam Antarabangsa. Sebagai proses pemantapan pelajar-pelajar juga dilibatkan dalam siri seminar berhubung dengan isu-isu politik dan pengurusan semasa di Tahun Akhir.

### Bahasa Pengantar

Secara umumnya terdapat tiga bahasa pengantar yang digunakan dalam pengajaran di fakulti ini: Arab, Melayu dan Inggeris. Pada asasnya bahasa Arab digunakan untuk pengajaran Kursus Syariah dan Bahasa Arab, bahasa Melayu untuk kursus-kursus pilihan dan bahasa Inggeris untuk Kursus Bahasa Inggeris.

Di peringkat pertama perkembangannya, secara purata 53% dari jumlah jam pertembungan menggunakan bahasa Arab, 27% bahasa Melayu dan baki 20% bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Arab dikurangkan di peringkat kedua kepada 47%, bahasa Melayu ditambah kepada 37% dan bahasa Inggeris 16%. Peratusan bahasa Inggeris ini kurang bukan kerana jumlah jam untuk kursus Bahasa Inggeris dikurangkan tetapi disebabkan jumlah jam pertembungan secara keseluruhannya bertambah.

### Hafal Al-Quran

Seseorang sarjana Islam yang tidak menghafal al-Quran atau sebahagian darinya dianggap tidak sempurna. Disebabkan demikian, mulai dari sesi 1986/87, Fakulti Syariah telah mewajibkan pelajarnya menghafal bahagian-bahagian tertentu dari al-Quran dari Tahun Pertama hingga ke Tahun Ketiga. Hafalan al-Quran dijadikan keperluan dalam erti kata bahawa seseorang pelajar yang tidak hafal bahagian yang ditentukan tidak dibenarkan menaiki tahun pengajian berikutnya walau pun telah lulus kesemua kursus dalam peperiksaan bertulis yang didudukinya.

Bahagian-bahagian yang ditentukan meliputi ayat-ayat yang ada kaitan dengan hukum hakam dan surah-surah yang selalunya ada kaitan dengan amalan-amalan masyarakat. Selain dari hafalan, pelajar juga perlu mampu membaca dengan baik dan lancar tanpa banyak membuat kesilapan tajwid.

### Kertas Projek

Kertas Projek adalah latihan ilmiah yang diwajibkan ke atas setiap pelajar

di Tahun Akhir di bawah penyeliaan seorang pensyarah. Tajuk Kertas Projek dalam mana-mana bidang yang dipelajari ditentukan sendiri oleh pelajar dengan disahkan oleh Fakulti. Hasil dari kajian ilmiah ini perlu dikemukakan kepada Fakulti untuk dinilai sebelum bermulanya Peperiksaan Akhir. Latihan ilmiah ini mula diwajibkan pada sesi 1986/87.

Tujuan utama perlaksanaan Kertas Projek ini adalah untuk melatih pelajar membuat kajian dengan kaedah yang betul untuk mengembang dan memantapkan pengetahuan mereka dan juga untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Latihan ilmiah ini juga melatih pelajar menghasilkan tulisan akademik dengan menggunakan kaedah penulisan yang betul.

Bagi mempastikan latihan ilmiah ini berkesan sebagaimana diharapkan, kursus Metodologi Penyelidikan mula diwajibkan kepada pelajar Tahun Ketiga pada sesi 1987/88. Tumpuan utama kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada jenis-jenis penyelidikan yang telah dijalankan bagi membolehkan mereka membina wawasan dalam menjalankan penyelidikan mereka sendiri nanti, bagaimana mengkonsepsikan sesuatu masalah kajian, dan melatih menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai untuk mengumpul dan menganalisa data bagi sesuatu penyelidikan. Mereka juga didedahkan kepada kaedah-kaedah penulisan akademik yang sering digunakan oleh para ilmuan.<sup>2</sup>

### **Kesimpulan**

Meneliti perkembangan dalam pengajian di Fakulti Syariah dari awal penubuhannya hingga kini, secara umumnya kita dapat bahawa arah dalam pengajian Syariah boleh diperbaiki mengikut keperluan dan perkembangan semasa dengan cara susun menyusun struktur pengajiannya dan membuat beberapa penyesuaian lain. Inilah yang sebenarnya yang dilakukannya mulai dari sesi 1991/92 untuk melahirkan siswazah yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang cukup kuat dalam ilmu-ilmu Syariah malah juga dalam satu bidang lain: Undang-undang, Ekonomi atau Politik-pengurusan. Siswazah-siswazah ini akan mampu menangani masalah undang-undang, ekonomi atau politik dan pengurusan dari perspektif Syariah dengan ilmu yang meyakinkan.

Perkembangan peringkat kedua ini adalah didasari dari pengalaman di peringkat pertama dalam perkembangan pengajian di Fakulti Syariah yang bermula pada insepinya pada tahun 1981 hingga ke sesi 1990/91.<sup>3</sup> Peringkat pertama ini bertujuan untuk melahirkan siswazah yang berkebolehan dalam Syariah serta mempunyai pengetahuan asas dalam Undang-undang dan Ekonomi atau Politik. Sistem ini hanya berupaya meluangkan satu bidang yang boleh dilibatkan oleh para siswazahnya, iaitu pendidikan, walau pun ada di antara mereka yang melibatkan diri dalam bidang-bidang lain tetapi tidak ramai. Pengetahuan mereka dalam Syariah berpaksi menegak tetapi mendatar dalam bidang lain yang menyebabkan keupayaan mereka untuk bergerak di luar bidang pendidikan agak terhad.

Kalau peringkat kedua bermula dari pengalaman peringkat pertama, peringkat

ketiga boleh bermula dari peringkat kedua. Siswazah yang lahir dari peringkat pertama berkebolehan dalam Syariah tetapi hanya mempunyai pengetahuan asas dalam Undang-undang dan Ekonomi atau Politik, siswazah peringkat kedua pula berkemampuan secara akademik dalam Syariah dan Undang- undang, Ekonomi atau Politik-pengurusan. Peringkat ketiga seharusnya mampu melahirkan siswazah yang bukan sahaja mempunyai keyakinan akademik malah hendaklah profesional dalam bidangnya. Tindakan boleh dibuat dengan mengenakan beberapa ubahsuaihan pada aspek akademik dan menambahkan kursus-kursus profesional yang relevan. Sistem penilaian dan peperiksaan juga perlu diubah kepada cara yang berkemampuan untuk melahirkan para siswazah profesional.

Siswazah yang lahir dari sistem ini sudah pasti akan dapat berkhidmat kepada masyarakat dan negara secara profesional. Mereka akan berada di barisan hadapan, tidak lagi sebagai pakar rujuk atau penasihat yang berada di barisan belakang yang hanya mampu melihat tindakan-tindakan yang dilakukan oleh para profesional.

#### Nota Hujung

1. Idris Awang & Mohd. Kamil Ab. Majid (1994), 'Keberkesanan Sesebuah Institusi Pengajian dari Penilaian Siswazah: Kajian kes ke atas Akademi Islam Universiti Malaya', *Medium*, Muhamarram 1415/ Jun 1994.
2. *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya 1994/95*, Kuala Lumpur: Akademi Islam, h. 133.
3. Kumpulan terakhir pelajar di bawah sistem peringkat ini tamat pengajian mereka pada akhir sesi 1993/94.

#### Rujukan

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1982/83.*  
Kuala Lumpur: Akademi Islam.

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1986/87.*  
Kuala Lumpur: Akademi Islam.

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1988/89.*  
Kuala Lumpur: Akademi Islam.

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1989/90.*  
Kuala Lumpur: Akademi Islam.

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1990/91.*  
Kuala Lumpur: Akademi Islam.

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1991/92.* Kuala Lumpur:

Akademi Islam.

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1992/93.* Kuala Lumpur:

Akademi Islam.

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1993/94.* Kuala Lumpur:

Akademi Islam.

*Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya Sesi 1994/95.* Kuala Lumpur:

Akademi Islam.

Green, V.H.H. (1969) *The Universities.* Penguin Books.

Idris Awang (1994) 'Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya: Satu Pengenalan', *Jurnal Syariah* 2:1 Januari 1994.

Idris Awang & Mohd. Kamil Ab. Majid (1994) 'Keberkesanan Sesebuah Institusi Pengajian Dari Penilaian Siswazah: Kajian Kes Ke Atas Akademi Islam Universiti Malaya', *Medium*' Bil. 3 Muharram 1415/Jun 1994.

*Kalendar Universiti Malaya 1984/85.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

*Kalendar Universiti Malaya 1985/86.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.


*Kalendar Universiti Malaya 1987/88.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

*Kalendar Universiti Malaya 1990/91.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

*Kalendar Universiti Malaya 1991/92.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

*Kalendar Universiti Malaya 1992/93.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

# Discover the wide world of Islamic literature



The journal is produced to a very high standard, and should be a very useful source for all libraries and information users concerned with Islamic issues. Information Development (London), Volume 7, Number 4, pages 241-242

This journal is doing a singular service to the cause of the publicity of periodical literature on Islamic culture and civilization in all its diverse aspects. Every scholar of Islamic Studies should feel indebted to you for this service.

PROFESSOR S.M. RAZAULLAH ANSARI  
President, International Union of History and Philosophy of Science (IUHPS)  
Commission for Science and Technology in Islamic Civilization, New Delhi, India

(Periodica Islamica is) an invaluable guide...

PROFESSOR BILL KATZ  
Library Journal (New York), Volume 118, Number 21, page 184

Periodica Islamica is a most valuable addition to our reference collection.

PROFESSOR WOLFGANG BEHN  
Union Catalogue of Islamic Publications, Staatsbibliothek Preussischer Kulturbesitz  
Berlin, Germany

It is recommended for all research libraries and scholars of the Islamic viewpoint.

DR. RICHARD R. CENTING  
MultiCultural Review (Westport, Connecticut), Volume 2, Number 1, page 40

You should be congratulated on Periodica Islamica which should prove to be a valuable journal to persons interested in Islam and the entire Muslim World.

AMBASSADOR (RTD.) CHRISTOPHER VAN HOLLEN  
The Middle East Institute, Washington DC, USA

**Periodica Islamica** is an international contents journal. In its quarterly issues it reproduces tables of contents from a wide variety of serials, periodicals and other recurring publications worldwide. These primary publications are selected for indexing by **Periodica Islamica** on the basis of their significance for religious, cultural, socioeconomic and political affairs of the Muslim world.

**Periodica Islamica** is the premiere source of reference for all multi-disciplinary discourses on the world of Islam. Browsing through an issue of **Periodica Islamica** is like visiting your library 100 times over. Four times a year, in a highly compact format, it delivers indispensable information on a broad spectrum of disciplines explicitly or implicitly related to Islamic issues.

If you want to know the Muslim world better, you need to know **Periodica Islamica** better.



Editor-in-Chief  Dr. Munawar A. Anees  
Consulting Editor  Zafar Abbas Malik  
*Periodica Islamica*, 22 Jalan Liku  
Kuala Lumpur-59100, Malaysia

America Online • dranees  
CompuServe • 72260,227  
Delphi • drmanees  
InterNet • dranees@klcyber.pc.my

PERIODICA  
ISLAMICA  
AN INTERNATIONAL CONTENTS JOURNAL



## Subscription Order Form

Annual Subscription Rates

Individual US\$40.00  Institution US\$200.00


Name \_\_\_\_\_

Address \_\_\_\_\_

City, State, Code \_\_\_\_\_

Country \_\_\_\_\_

Bank draft  
 Coupons  
 Money order



Expiration date \_\_\_\_\_

Signature \_\_\_\_\_

BY To place your order  
PHONE immediately  
(+60-3) 282-5286

BY To fax your order  
FAX complete this order  
form and send to  
(+60-3) 282-1605

BY Mail this completed  
order form to  
**Periodica Islamica**  
Berita Publishing

SUBSCRIBERS IN MALAYSIA MAY PAY AN EQUIVALENT AMOUNT IN RINGGIT (M\$) AT THE PREVAILING EXCHANGE RATE

**Subscribe Now! Subscribe Now! Subscribe Now! Subscribe Now!**